



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

KENYATAAN TAWARAN

(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor bumiputera tempatan yang berpengalaman, berkeelayakan dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** bagi melaksanakan kerja-kerja

NO SEBUTHARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TEMPOH DAN TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN SEBUTHARGA	TARIKH,MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUTHARGA / LAWATAN TAPAK	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
KPMB505/2024/05	CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KPM BERANANG	Gred : G1 Kategori : B/C Pengkhususan : B04/CE24/CE21/C E40	11 - 18.03.2024 (Pejabat Pentadbiran KPM Beranang)	19.03.2024 (Jam 11.00 pagi) Bilik Meranti KPM Beranang (DIWAJIBKAN)	RM5.00	22.03.2024 (Sebelum 12.00 T/hari)

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan siji-siji berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

i) **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPKK)** yang dikeluarkan oleh **CIDB**

ii) **Sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dikeluarkan oleh **CIDB**

iii) **Sijil Asal Taraf Bumiputera (STB)** yang dikeluarkan oleh **Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU)**

Satu (1) salinan siji-siji asal di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan semasa membeli dokumen sebutharga untuk simpanan. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.

3. Bayaran dokumen sebutharga boleh dibuat secara MARA EPS atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan

4. Dokumen sebutharga boleh didapati pada waktu pejabat di alamat seperti di bawah. **Dokumen** sebutharga **tidak akan dijual selepas tempoh ini.**

9.00 pagi - 1.00 t/hari

1.00 t/hari - 2.00 petang (REHAT)

2.00 petang - 3.00 petang

5. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk membeli dokumen sebut harga. Hanya **PEMILIK SYARIKAT/PENAMA** yang dibenarkan sahaja membeli dokumen sebut harga dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** sebagai pengesahan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.

- 6 Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebutharga dan lawatan tapak seperti catatan di atas dengan membawa bersama dokumen sebutharga.Wakil Syarikat **DIWAJIBKAN** membawa bersama surat perwakilan dan cop syarikat semasa menghadiri taklimat.Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat sebutharga.

- 7 Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.

- 8 **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran.**MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

- 9 Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No.Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga seperti alamat di bawah :

PENGARAH
KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG
LOT 2333 Jalan Kajang / Seremban
Mukim Beranang
43700 Beranang, Selangor

Pada atau sebelum tarikh tutup sebutharga jam 12.00 tengah hari.

- 10 Dokumen sebutharga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Sebutharga tidak akan diterima.